

Headline	Akademi Sastera buka lembaran baru	Language	MALAY
Date	04. Sep 2008	Page No	19
Media Title	Berita Harian	Article Size	548 cm²
Section	Hip	Frequency	Daily
Circulation	217920	Color	Full Color
Readership	2083000	AdValue	9694.43



Akademi Sastera buka lembaran baru

DBP cungkil bakat pelajar pada pertandingan pembentangan kertas kerja

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@beritaharian.com.my

AKADEMI Sastera dengan tema Pembinaan Kritikan Sastera dan Modal Insan Berketerampilan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, baru-baru ini, membuka lembaran baru sastera tanah air apabila cuba keluar daripada kepompong kegiatan sastera yang lumrah.

Dengan meminjam konsep ala rancangan realiti televisyen, sembilan peserta dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berentap dalam pertandingan yang mengambil tempoh lebih sebulan membabitkan sesi latihan dan penyediaan kertas kerja, sebelum melepas peringkat saringan yang menyaksikan lima peserta bertarung pada peringkat akhir.

Sepanjang sesi latihan dan penyediaan kertas kerja itu, mereka dibimbing mentor berpengalaman dalam dunia akademik, Pensyarah Universiti Malaya (UM), Mohamad Saleeh Rahamad; Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Naffi Mat dan Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Che Abdullah Che Ya.

Format penilaian yang



KHUSYUK: Peserta Akademi Sastera bersiap-sedia untuk membentangkan kertas kerja pada pertandingan yang dipengerusikan Prof Dr Hashim Ismail (tiga dari kiri).

hanya memberikan 40 peratus kepada teks dan 60 peratus untuk pembentangan, memerlukan peserta membentangkan kertas kerja kerana setiap tingkah kata dan tingkah laku mereka diperhalusi pengkritik jemputan dan juri profesional.

Ini kerana cara penyampaian seperti kelancaran pertuturan, ekspresi wajah, bahasa tubuh dan keupayaan berkomunikasi dengan penonton, menjadi sasaran pengkritik jemputan, iaitu Pensyarah Akademi Pengajian Melayu (APM), UM, Dr Norhayati Abdul Rahman dan Ketua Bahagian Teori dan Kritikan Sastera DBP,

Mohamad Daud Mohamad. Tiga juri profesional yang diketuai Pensyarah APM, Prof Dr Mohamad Mokhtar Abu Hasan dan dianggotai Pensyarah Kanan UKM, Prof Dr Hanapi Dollah dan Pensyarah UPM, Dr Kamariah Kamarudin mewujudkan persembahan mereka secara senyap.

Lima peserta Akademi Sastera peringkat akhir itu memperlihatkan kemahiran sehingga pada tahap, tidak keterlaluan untuk mengatakan cara mereka menguasai pentas dan membentangkan kertas kritikan melangkau gaya pembentangan umum yang ditunjukkan ahli akademi

dan sarjana sastera. Bagaimanapun, aspek penguasaan teori masih menjadi gendala utama kerana ada peserta gagal mengkritik karya dengan baik, sebaliknya memberi interpretasi tanpa berpaduan prinsip teori pilihan mereka seperti yang ditegur panel pengadil Akademi Sastera.

Prof Mohamad Mokhtar, umpamanya mengingatkan peserta bahawa konsep dan definisi mengenai teori serta pendekatan yang digunakan sewajarnya jelas kerana kegagalan berbuat demikian menyebabkan pembentangan kritikan tidak dapat mengupas karya yang dikritik.

"Selain itu, huraihan, data dan prinsip juga tidak dikaitkan dengan analisis serta kritikan karya oleh pembentang, tetapi kelemahan kecil itu tidak menjelaskan kredibiliti dan ketokohan pembentang. Saya nampak beberapa bakat terpendam dan seandainya diteruskan, program ini dapat melahirkan pembentang berkualiti," katanya.

Dalam pertandingan itu, wakil tunggal UPM, Muhammad Zarif Hassan@Zulkifli mengungguli Akademi Sastera yang memukau juri dengan pemberian

tangan kertas kritikannya, Konseptual Shahnon Ahmad Terhadap Kemungkaran Melalui Tivi: Satu Analisis Berdasarkan Konseptual Kata Kunci, sekali gus membawa pulang hadiah RM1,000.

Tempat kedua dimenangi wakil UM, Mohd Zamzuri Mustapha yang membentangkan kertas kritikan, SM Zakir Sebagai Pengarang Oksidentalista: Satu Kajian ke Atas Tiga Buah Cerpen manakala wakil UKM, Rosnani Ibrahim mendapat tempat ketiga (*Puitika dalam Syair Perang Makasar*).

Masing-masing memperoleh RM700 dan RM500, manakala wakil UM, Siti Nadia Hamnain dan wakil UKM, Bop Abdul Gapor, mendapat sagu hati dengan membawa pulang RM300 pada majlis penyampaian oleh Pengarah Jabatan Sastera DBP, Izzah Abdul Aziz.

Akademi Sastera pada masa depan akan lebih bermakna sekiranya pengajian berusaha mendapatkan kerjasama daripada stesen televisyen untuk membuat liputan agar kehadirannya disedari kerana program terbabit dapat memberi kesedaran betapa dunia sastera negara berusaha mendekati lebih ramai khayalak.



“Penyertaan dalam Akademi Sastera wajar dilebarkan kepada institut perguruan, selain media elektronik dibabitkan untuk memperluaskan sastera dalam masyarakat”

Dr Mawar Shafie
Pensyarah Kanan UKM



“Hadiah wang tunai sebagai ganjaran kemenangan perlu ditambah dan pengajian perlu mendapatkan paket lebih menarik”

Raihani Mohd Saaid
Pensyarah UPM